

## **KEJOHANAN SUKAN ANTARA STAF KAMPUS SHAH ALAM (SASSA)**

### **PERATURAN PERMAINAN BOLA TAMPAR**

#### **1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejuhanan Sukan Antara Staf Kampus Shah Alam (SASSA) Universiti Teknologi MARA.
- 1.2 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka undang-undang permainan Bola Tampar Antarabangsa hendaklah diikuti.

#### **2.0 PENDAFTARAN PEMAIN**

- 2.1 Perkara yang berhubung dengan kelayakan pemain seperti yang ditetapkan
- 2.2 Setiap Jabatan hanya dibenarkan mendaftar 1 pasukan bagi acara lelaki dan wanita
- 2.3 Bilangan  
Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih dari 12 orang termasuk 6 orang pemain simpanan dalam Sistem Pengurusan Kejuhanan Sukan (SCMS)
- 2.4 Kelayakan  
Pemain yang tidak disenaraikan namanya Sistem Pengurusan Kejuhanan Sukan (SCMS) tidak dibenarkan mengambil bahagian
- 2.5 Sistem Pengurusan Kejuhanan Sukan (SCMS)  
Senarai nama di SCMS hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan/ Dekan/ Timbalan Dekan (HEP) atau Ketua Kontinjen yang telah di lantik oleh Setiap Jabatan/ Fakulti/ Kolej Pengajian masing-masing.

## 2.6 Borang Pendaftaran Perlawanan

Borang Pendaftaran Perlawanan yang mengandungi senarai nama pemain dan pemain simpanan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan 30 minit sebelum permainan bermula.

## 3.0 PASUKAN DAN MASA BERMAIN

### 3.1 Pasukan

Tiap-tiap pasukan mestilah mempunyai 6 pemain di dalam gelanggang sebelum satu-satu pertandingan dimulakan.

### 3.2 Masa

Setiap pasukan mesti melapor diri/bersedia tepat pada masa perlawanan yang ditetapkan. Sekiranya mana-mana pasukan lewat melapor diri, tempoh masa menunggu diberikan selama tidak lebih dari 10 minit. Sekiranya pasukan itu masih gagal melapor diri dalam masa 10 minit, pasukan tersebut dikira menerima kekalahan

## 4.0 PAKAIAN/ALAT

### 4.1 Pakaian

Pakaian yang seragam dengan permainan bola tampar mempunyai nombor di depan serta belakang baju dan mengikut peraturan FIVB.

### 4.2 Alat.

Bola perlawanan akan disediakan oleh pihak penganjur.

## 5.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

5.1 Semua perlawanan peringkat kumpulan dan suku akhir berdasarkan 1 set 31 mata.

5.2 Bagi peringkat separuh akhir dan akhir berdasarkan 2 set yang terbaik daripada 3 set permainan, (25-25-15).

5.3 Mata kemenangan seperti berikut:-

|                        |   |        |
|------------------------|---|--------|
| Menang                 | - | 2 mata |
| Kalah                  | - | 1 mata |
| Tarik diri/Tidak hadir | - | 0 mata |

5.4 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata yang sama atau seri, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut :-

5.4.1 Nisbah Mata (M),

$$M = \frac{\text{Jumlah mata menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah mata kalah (semua perlawanan)}}$$

5.4.2 Jika masih seri, Nisbah set tertinggi (S),

$$S = \frac{\text{Jumlah set menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah set kalah (semua perlawanan)}}$$

5.4.3 Jika masih seri,

$$S1 = \frac{\text{Jumlah set menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah Set kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

5.4.4 Jika masih seri,

$$M1 = \frac{\text{Jumlah mata menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah mata kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

5.4.5 Jika sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan, maka

keputusan perlawanan yang telah diadakan diantara kedua dua pasukan tersebut akan diambil kira. Pasukan yang pernah menang diperlawananan tersebut dikira pemenang.

5.4.6 Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih

pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

5.5 Pengadil akan dilantik oleh Jawatankuasa Pertandingan

## 6.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.

## **7.0 KELEWATAN**

Masa selama 10 minit akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan 2 mata kemenangan dan bilangan 31 – 0 peringkat kumpulan dan suku akhir, 25 – 0 untuk separuh akhir dan akhir.

## **8.0. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN**

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya perlawanan diberhentikan akibat hal-hal yang di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.